

14/05/1997

Negara IMT-GT azam majukan sempadan

reports on "Dewan Negara" by Izman Ismail; Radzi Wahab  
KUALA LUMPUR, Selasa - Ketiga-tiga negara yang terbabit dalam bidang kerjasama Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) begitu komited dalam memastikan kejayaan dan pembangunan projek di kawasan sempadan masing-masing.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketiga-tiga negara terbabit akan terus bekerjasama terhadap menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor swasta dalam pertumbuhan segi tiga berkenaan.

Menurut Perdana Menteri, setakat ini, 47 projek usaha sama sudah ditandatangani oleh sektor swasta melalui pelbagai Perjanjian Persefahaman (MOU).

Katanya, projek terbabit bernilai RM11 bilion yang antara lain membabitkan kerjasama dalam pelbagai bidang telekomunikasi, pelancongan, perdagangan dan sektor kewangan.

"Daripada jumlah itu, 14 projek sudah dilaksanakan manakala bakinya sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan," katanya ketika menjawab soalan Senator Charern Intachat di sidang Dewan Negara hari ini.

Katanya, projek terbabit akan mempunyai pengaruh kuat ke atas pembangunan di kawasan terbabit.

Menurutnya, tujuan utama pertumbuhan kawasan segi tiga itu akan membolehkan sektor swasta memperolehi faedah dan bersama-sama bekerjasama membangunkan kawasan itu," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan hanya bertindak sebagai penyelaras dalam menggerakkan penyertaan sektor swasta dalam pelbagai bidang yang dijalankan secara usaha sama itu.

Sehubungan itu, beliau menyatakan keyakinannya lebih banyak projek akan dilaksanakan oleh sektor swasta pada masa depan.

Menjawab soalan tambahan Senator Datuk Abdul Aziz Abdul Rahman, beliau berkata, kerajaan belum bercadang untuk mewujudkan kawasan segi tiga di sebelah timur yang membabitkan negeri Pantai Timur bersama Vietnam dan Kemboja.

(END)